

## MCG SPIRITUAL NIGHT 2015 DAN MAJLIS DOA KESYUKURAN

Artikel oleh: Arif Mandangan

Pada 18 Disember 2015, Kelab Pelajar Program Matematik dengan Grafik Berkomputer telah menganjurkan MCG Spiritual Night 2015. Aktiviti ini adalah bertujuan untuk memantapkan persiapan rohani para pelajar MCG bagi menghadapi peperiksaan akhir semester yang akan bermula pada minggu berikutnya. Pengisian aktiviti ini terbahagi kepada dua iaitu aktiviti untuk pelajar-pelajar beragama Islam dan aktiviti untuk pelajar yang bukan beragama Islam. Bagi mereka yang beragama Islam, beberapa aktiviti bercorak keagamaan telah diadakan. Ini termasuklah bacaan Surah Yaasin, solat Fardhu Maghrib dan Isyak secara berjemaah, tazkirah Maghrib yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Abdullah Bade dan solat sunat hajat. Di samping itu, bacaan doa kesyukuran turut diadakan bersempena kejayaan Program MCG mengendalikan Kem Matematik Perdana 2015. Bagi pelajar yang bukan beragama Islam, sesi perkongsian tips peperiksaan telah diadakan buat mereka. Majlis ini diakhiri dengan jamuan makan dan sesi bergambar. Semoga aktiviti sihat seumpama ini akan terus diadakan pada masa akan datang.

